



RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN BHD

KENYATAAN SEBUT HARGA

RISDA Semaian dan Landskap Sdn Bhd mempelawa **kontraktor berpengalaman** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G3** dan **CE21- Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:

No. Sebut harga	Tajuk Kerja	Tarikh/ Waktu Tutup/ Tempat Yang Mengeluarkan/Tutup Sebut harga
15/2025 (013.1/1/1)	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KEROSAKAN BANGUNAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI 5 LOT KEDAI RISDA, TAMAN MEGA JAYA, AMPANG, SELANGOR	5 NOVEMBER 2025 (RABU) JAM: 12:00 TENGAHARI IBU PEJABAT RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD. TINGKAT 15, MENARA KUMPULAN RISDA, JALAN AMPANG ULU 3, KUALA LUMPUR. URUSETIA JABATAN KEWANGAN & PEROLEHAN (03-4815 7458/ 03-4815 7421) JUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA : 23 OKTOBER 2025 (Selepas Lawatan Tapak)

SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA:

- Untuk pembelian dokumen, hanya **penama** di dalam Sijil SSM sahaja yang boleh membeli dokumen dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama. Untuk maksud ini, penama wajib membawa **Sijil Asal SSM** dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran **serta SATU (1) salinan sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod bayaran pejabat ini semasa membeli dokumen Sebutharga. **PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN.**
- Dokumen Sebut harga berharga RM200.00 senaskah** boleh dibeli di **Ibu Pejabat RISDA Semaian Dan Landskap Sdn. Bhd.** Bayaran dokumen sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama **"RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD."**
- Dokumen sebut harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **sampul surat yang berlakri dan bertanda dengan jelas Nombor Sebut harga dan Tajuk** serta dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di atas.
- RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd. tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.
- RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd. berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran daripada mana-mana penyebutharga. Penyebutharga boleh menawarkan harga untuk keseluruhan atau sebahagian item. Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu tawaran yang berasingan.

**"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH
DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"**
TARIKH IKLAN: 15/10/2025

LAWATAN TAPAK: 23/10/2025 (KHAMIS) JAM 10.00 PAGI